

HARI : \_\_\_\_\_

RABU

TARIKH : \_\_\_\_\_

18/9/2019

M/SURAT : \_\_\_\_\_

18

## ANALISIS

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI

## Kalau dah tamak...

**ISU** penyeludupan barang subsidi di negara ini bukan baharu. Sejak dahulu ia menjadi barah dan sehingga kini kerajaan masih belum jumpa penawarnya.

Tidak susah untuk kita duga motif pelaku jenayah jelik ini. Pastilah kerana wang.

Laporan eksklusif *Utusan Malaysia* hari ini mendekati penyeludup peket minyak masak subsidi boleh meraih untung sehingga RM300,000 sebulan.

Hanya perlu seludup peket minyak masak saja. Tak perlu daftar syarikat dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), tak perlu keluar modal besar-besar, tak perlu buat drama pendek di YouTube macam Syahmi Syazli.

Fenomena wang mudah ini memang telah lama merosakkan anak bangsa kita. Demi wang, kita sanggup jadi penjenayah dan merampas hak orang lain.

Bayangkan bagaimana peket minyak masak yang disubsidi kerajaan itu sepatutnya boleh membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah di negara ini. Bantuan itu direntap begitu sahaja oleh penyangak-penyangak ini.

Kerajaan perlu ambil berat perkara ini. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu lebih giat buat

pemeriksaan. Jangan lagi beri alasan penyeludup guna 'jalan tikus'.

Lebih penting lagi, masyarakat seluruhnya perlu berubah. Keselamatan negara bukan hanya bergantung kepada pasukan keselamatan. Pihak polis, JKDM dan tentera memerlukan kerjasama dan maklumat daripada orang awam.

Dengan kerjasama orang awam, kegiatan penyeludupan ini dapat dibanteras dengan lebih efektif.

Namun, hubungan orang awam dengan pihak berkuasa bergantung kepada kebolehpercayaan pihak berkuasa itu sendiri.

Tiga tahun lalu, *Utusan Malaysia* pernah menerbitkan laporan khas tentang isu penyeludupan minyak masak di Kelantan, Kedah, Perak dan Perlis. Mendorong ciptakan apabila antara dapatan yang diperoleh daripada siasatan wartawan ketika itu, ada peniaga minyak masak seludup buka gerai hanya 50 meter sahaja dari Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Danok.

Harapnya isu itu tamat di situ sahaja dan tidak berulang lagi dalam isu yang terbaru ini. Bukan apa, kalau orang awam sudah tidak boleh nak percaya kepada pihak berkuasa, alamatnya tidak akan selesailah masalah penyeludupan ini.